

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices (IJEMP)

Journal Website: <http://ijemp.com/>
eISSN: 2600-8750



FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN AGROPRENEUR MUDA DI MALAYSIA: SATU KAJIAN RANGKA KERJA KONSEPTUAL

FACTORS THAT CONTRIBUTE TO THE ENTREPRENEURIAL SUCCEES AMONG YOUNG AGROPRENEURS IN MALAYSIA: A STUDY OF CONCEPTUAL FRAMEWORK

Atikah Nor binti Johari^{1*}, Armanurah Mohamad², Awanis Ku Ishak³

¹ Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia
Email: atikahnor@unimap.edu.my

² Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: armanurah@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: awanis@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.06.2020

Revised date: 12.06.2020

Accepted date: 14.06.2020

Published date: 15.06.2020

To cite this document:

Johari, A. N., Mohamad, A., & Ku Ishak, A. (2020). Faktor-Faktor Penyumbang kepada Kejayaan Keusahawanan dalam Kalangan Agropreneur Muda di Malaysia: Satu Kajian Rangka Kerja Konseptual. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 3 (10), 82-96.

DOI: 10.35631/IJEMP.310007.

Abstrak:

Kejayaan keusahawanan amat penting bagi menjamin kesinambungan hayat dan daya saing sesebuah perniagaan. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk membangunkan satu rangka kerja konseptual komprehensif yang mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda di Malaysia. Kajian ini merupakan tinjauan literatur terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan keusahawanan. Dapatan kajian mendapati terdapat dua faktor utama, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang boleh membawa kepada kejayaan keusahawanan. Faktor-faktor dalaman yang dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan dengan aspek diri individu agropreneur muda itu sendiri yang merangkumi pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan, sikap keusahawanan dan nilai agama, manakala faktor luaran pula ialah sokongan kerajaan. Selain itu, rangka kerja konseptual ini juga mencadangkan pengujian terhadap dua faktor penyederhana, iaitu nilai agama dan sokongan kerajaan yang menyederhanakan hubungan antara pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan terhadap kejayaan keusahawanan. Selanjutnya, pengkaji akan menggunakan rangka kerja konseptual ini untuk menjalankan kajian secara empirikal menggunakan kaedah kuantitatif bagi

menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan faktor-faktor penyumbang kepada kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda di Malaysia.

Kata Kunci:

Kejayaan Keusahawanan, Agropreneur Muda, Pemikiran Keusahawanan, Kemahiran Keusahawanan. Sikap Keusahawanan, Nilai Agama, Sokongan Kerajaan

Abstract:

Entrepreneurial success is crucial to ensure the sustainability and competitiveness of an enterprise. To this end, the objective of the study is to develop a comprehensive conceptual framework that examines the factors that contribute to entrepreneurial success among young agropreneurs in Malaysia. This study is a review of the literature on factors that can influence entrepreneurial success. The study found that there are two main factors, namely internal factors and external factors that can lead to entrepreneurial success. The internal factors studied in this study are related to the individual aspects of the individual young agropreneur including entrepreneurial mindset, entrepreneurial skill, entrepreneurial attitude, and religious value, while external factor is government support. In addition, the conceptual framework also proposes testing of two moderating factors, namely religious value and government support, which moderates the relationship between entrepreneurial mindset, entrepreneurial skill, and entrepreneurial attitude towards entrepreneurial success. Further, the researcher will use this conceptual framework to conduct an empirical study using a quantitative method to answer research questions related to factors contributing to entrepreneurial success among young agropreneurs in Malaysia.

Keywords:

Entrepreneurial Success, Young Agropreneur, Entrepreneurial Mindset, Entrepreneurial Skill, Entrepreneurial Attitude, Religious Value, Government Support

Pengenalan

Sektor agrikultur di Malaysia masih kekal mencatatkan kedudukan yang ketiga dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018; IMF, 2015; Statistik Malaysia, 2010). Walaupun sektor agrikultur hanya penyumbang terendah dan merupakan sektor yang paling mundur jika dibandingkan dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan, hakikatnya sektor ini merupakan tulang belakang ekonomi negara sejak sekian lama (Abu Dardak, 2015). Bidang ini terus relevan dengan perkembangan semasa kerana dapat memenuhi keperluan negara dan masyarakat seperti dapat membekalkan sumber makanan dan menawarkan peluang pekerjaan (Buttar, 2015; Siwar, Yasar, Ghazali & Mohd Idris, 2014), menyediakan bahan-bahan mentah untuk keperluan dan kegunaan industri asas tani (Okezie & Baharuddin, 2012; Siwar et al., 2014), mampu untuk meningkatkan taraf hidup manusia, menawarkan pendapatan, merupakan sektor yang dapat mempromosikan pembangunan kemanusiaan (Herman, 2018) dan juga menjaga hak-hak kemanusiaan serta mampu membasmi kadar kemiskinan di sesebuah negara (Joice, 2014).

Walaupun banyak sumbangan yang diberikan oleh sektor agrikultur, tetapi sehingga suku tahun ketiga 2019, sektor agrikultur masih mengekalkan kedudukan yang ketiga dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Senario ini menggambarkan sektor agrikultur perlu segera ditransformasikan ke arah yang lebih efisien dan efektif bagi meningkatkan kejayaan dan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi negara seiring dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Kajian tentang kejayaan keusahawanan dalam sektor agrikultur adalah suatu tindakan yang wajar dan usaha yang praktikal bagi menarik perhatian golongan muda terutama siswazah agar mempunyai minat dan berkeyakinan untuk menceburi sektor agrikultur sebagai kerjaya pilihan mereka. Ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian oleh Habshah et al. (2012), iaitu faktor-faktor kejayaan usahawan-usahawan lain boleh mencetuskan minat dan mempengaruhi serta mendorong minat seseorang untuk menceburi bidang keusahawanan. Sehubungan itu, kajian ini akan meninjau sorotan literatur bagi pembangunan rangka kerja konseptual tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda di Malaysia.

Permasalahan Kajian

Walaupun sektor agrikultur banyak memberi impak positif dalam pelbagai aspek, kadar kejayaan PKS agrikultur adalah berada pada tahap yang kurang memuaskan (Rosmiza & Juliana, 2017). Selain itu, menurut laporan GEM bagi tahun 2015/16 dan 2016/17 menunjukkan penurunan dalam jumlah pembukaan perusahaan atau perniagaan baru dalam sektor agrikultur terutamanya dalam ekonomi berpandukan inovasi. Tambahan pula, penglibatan daripada golongan muda dalam sektor agrikultur adalah amat sedikit (Pindado & Sánchez, 2017; Abdullah, Abu Samah & Othman, 2012; Mohammad Nor, Nik Mohd Masdek & Maidin, 2015).

Seterusnya, dapatan kajian daripada sorotan literatur mendapati hasil pembelajaran daripada pendidikan keusahawanan iaitu pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan (Armanurah, 2014) terhadap kejayaan keusahawanan menunjukkan dapatan yang tidak konsisten (Solesvik, Westhead & Matlay, 2014; Karlsson, 2013). Jadi, dapatan ini menjadi asas kepada pengkaji untuk terus meneroka hasil pendidikan keusahawanan terhadap kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda. Selain itu, Zulkifli & Rosli, (2013) dan Simpson et al., (2013), juga mencadangkan agar kajian-kajian berasaskan keagamaan perlu dilakukan dalam melihat kesannya terhadap kejayaan PKS. Oleh itu, adalah satu keperluan kajian tentang sektor agrikultur khususnya melibatkan agropreneur muda dilakukan dengan mengkaji peranan nilai agama terhadap kejayaan keusahawanan. Yang terakhir, kajian-kajian lepas juga mendapati hubungan antara sokongan kerajaan dan kejayaan keusahawanan adalah tidak konsisten (Bangudu, 2014; Syarifah Rohaya, 2014; Hakimin, 2010). Jadi, pengkaji ingin mengenal pasti faktor sokongan kerajaan terhadap kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda.

Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor penyumbang kepada kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda di Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan jumlah penglibatan golongan muda dalam sektor agrikultur selari dengan usaha kerajaan untuk meningkat dan mengukuhkan lagi sektor agrikultur di Malaysia (Abdullah & Naem Sulaiman, 2014) serta bertepatan dengan fokus Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mencungkil potensi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang belum diterokai bagi

membolehkan lonjakan berganda dalam pertumbuhan dan seterusnya meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi.

Tinjauan Literatur

Keusahawanan dan Sektor Agrikultur

Sejak kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, sektor agrikultur telah memainkan peranan penting dalam pembentukan produktiviti, menyumbang terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), membolehkan berlakunya pertukaran antarabangsa dan juga pembangunan modal insan (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA), 2010). Menyedari akan kepentingan aktiviti keusahawanan terhadap individu dan masyarakat serta sumbangannya kepada negara, kerajaan secara berterusan telah memberi tumpuan kepada bidang keusahawanan melalui Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Negara (1990-2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan Model Ekonomi Baru (2011-2020). Keusahawanan juga telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang keutamaan nasional di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Kesenambungan daripada itu, kerajaan telah menubuhkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) untuk membangunkan ekosistem keusahawanan di Malaysia yang akan mempertingkatkan daya saing negara dalam ekonomi global yang sengit persaingannya dan cabaran dari Industri 4.0 serta mewujudkan budaya keusahawanan dalam masyarakat Malaysia.

Rentetan daripada itu, kerajaan sedang giat membangunkan sektor agrikultur di Malaysia selain daripada sektor perkhidmatan dan pembuatan yang menjadi penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi negara. Ini adalah kerana, sektor agrikultur mempunyai potensi luas sebagai kuasa penggerak dalam meningkatkan ekonomi negara (Razak, Abas, Yaacob, Rodzi, Yusof & Azidin, 2015) dan persekitaran perniagaan.

Isu dan Cabaran yang Dihadapi oleh Agropreneur Muda di Malaysia

PKS agrikultur khususnya golongan agropreneur muda terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam mengusaha dan menjayakan perusahaan dalam sektor agrikultur. Antaranya ialah ketidakstabilan pasaran agrikultur dan ketidakpastian keadaan cuaca seperti kemarau, musim tengkujuh, ribut taufan, banjir yang boleh mempengaruhi pendapatan dan berisiko tinggi untuk mengalami kerugian (Koyenikan & Anozie, 2017; Okezie & Baharuddin, 2012). Selain itu, pasaran yang bersifat dinamik, perubahan dalam citarasa dan tabiat pengguna, kemudahan infrastruktur yang tidak lengkap dan isu-isu tentang keselamatan makanan, kemampanan serta perkembangan bioteknologi (Lans, Van Galen, Verstegen, Biemans & Mulder, 2017) juga merupakan isu dan cabaran yang perlu ditangani oleh agropreneur muda dalam memastikan PKS agrikultur beroleh kejayaan.

Jadi, bagi menangani isu dan cabaran tersebut, agropreneur muda perlu mempunyai pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan yang unggul serta nilai agama yang dipegang dalam memastikan kejayaan keusahawanan. Di samping itu, tidak dapat dinafikan bahawa sokongan kerajaan amat diperlukan dalam meneroka sektor agrikultur yang penuh dengan cabaran dan halangan. Walaupun terdapat pelbagai sokongan kerajaan yang telah disediakan kepada agropreneur muda, hasil kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat sesetengah PKS yang tidak menunjukkan prestasi yang memberangsangkan (Bangudu, 2013; Fatoki, 2012; Olawale & Garwe, 2010).

Justeru itu, dalam menjamin agropreneur muda memperolehi kejayaan keusahawanan, faktor-faktor seperti pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan perlu ditingkat dan ditambah baik secara holistik dan strategik untuk mengurangkan kebergantungan mereka kepada sokongan kerajaan malah mampu berdikari dalam menguruskan perniagaan. Selain itu, agropreneur muda juga perlu disemai dengan semangat keusahawanan yang jitu, agar mereka terus mencari peluang bagi melonjakkan perusahaan ke tahap yang lebih baik. Semangat tersebut dapat dicapai sekiranya agropreneur muda tersebut mempunyai sikap keusahawanan dan bersedia untuk melakukan anjakan dan mengubah orientasi pemikiran mereka daripada keusahawanan berasaskan keperluan kepada keusahawanan berasaskan peluang dan seterusnya kepada keusahawanan berasaskan inovasi. Dengan cara ini, negara boleh meningkatkan jumlah agropreneur muda yang berasaskan peluang dan inovasi (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019).

Manakala dalam aspek pendidikan dan kemahiran, isu terbesar yang dialami oleh Malaysia adalah kesukaran mengimbangi antara permintaan dan penawaran tenaga kerja dalam pelbagai sektor terutamanya sektor agrikultur (Mohd Arif et al., 2015). Senario yang berlaku dalam sektor pekerjaan adalah lambakan graduan, ramai graduan terperangkap dalam situasi di mana mereka memilih kerjaya yang tidak sepadan dengan kelayakan yang dimiliki (Mohd Arif et al., 2015; Anosike et al., 2015). Seharusnya, graduan yang berkemahiran tinggi perlu memupuk inovasi dan kreativiti untuk berani menerokai bidang baharu serta menganjukkan minda daripada pencari kerja kepada penjana pekerjaan dalam sektor agrikultur (Utami, 2017). Senario anjakan minda ini amat signifikan disebabkan persaingan pasaran pekerjaan yang semakin kompetitif. Maka, kajian tentang kejayaan keusahawanan dalam sektor agrikultur harus dilakukan bagi mengurangkan isu, cabaran dan halangan yang dihadapi oleh agropreneur muda.

Senario Sektor Agrikultur dan Kejayaan Keusahawanan Agropreneur Muda

Kajian berkaitan sektor agrikultur didapati kurang mendapat perhatian para pengkaji (Brunjes & Revilla, 2013; Schlaegel & Koenig, 2014; McElwee 2006; Solesvik, 2014) dan seringkali diabaikan oleh para penyelidik (Joice, 2014) terutamanya kajian yang memfokuskan kepada kejayaan keusahawanan agropreneur muda di Malaysia. Majoriti daripada kajian-kajian sedia ada hanya memfokus tentang kejayaan usahawan yang berkaitan dengan isu-isu umum keusahawanan. Selain itu, tumpuan kajian-kajian lepas adalah berkenaan dengan aspek mempromosi keusahawanan agrikultur dalam kalangan Gen Y, kecenderungan keusahawanan (Krueger & Brazeal, 1994; Sadri & Robertson, 1994 ; Wan Syukry, 2004) dan hasrat untuk menjadi usahawan (Abdullah and Naem Sulaiman, 2013; Mohammad Nor, Nik Mohd Masdek & Maidin, 2015; Yusoff, Ahmad & Abdul Halim, 2016). Seterusnya, kajian-kajian lepas mendapati kurangnya usahawan di Malaysia yang menceburi sektor agrikultur (Brunjes & Revilla, 2013; Solesvik, 2014), malahan pula kadar kejayaan dalam sektor agrikultur adalah kurang memuaskan (Rosmiza & Juliana, 2017). Selain itu, kajian yang melibatkan usahawan muda dengan kejayaan keusahawanan adalah jarang sekali dilakukan (Helena, 2017).

Justeru itu, kajian ini dilakukan hasil daripada dapatan yang menyatakan bahawa kurangnya kajian keusahawanan agrikultur terutamanya di Amerika dan negara-negara Asia (Rauch et al., 2009) termasuk Malaysia. Selain itu, kurangnya kajian dalam sektor agrikultur juga telah dibuktikan oleh literatur dalam bidang tingkah laku keusahawanan yang menunjukkan bahawa ada kekurangan kajian yang memfokuskan pada sektor agrikultur (McElwee, 2006; Brunjes & Revilla, 2013) malahan kebanyakan literatur hanya memberi penekanan terhadap tingkah laku keusahawanan generik dan tidak memfokuskan kepada industri tertentu (Alsos et al. 2011).

Manakala, hasil kajian oleh Arafat & Saleem, (2017) dan Pindado & Sánchez, (2017) juga telah mencadangkan agar kajian keusahawanan dilakukan dengan merujuk kepada sektor tertentu yang mana akan memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai fenomena tersebut terutamanya kajian berkaitan keusahawanan agrikultor di pelbagai wilayah. Tambahan lagi, menurut Lumpkin et al., (2018), sektor agrikultur merupakan sektor yang menarik untuk dilakukan kajian bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

Akhir sekali, kajian ini juga bersesuaian dengan cadangan oleh Shuhymee (2010) supaya kajian ke atas prestasi perniagaan PKS diperluaskan kepada sektor agrikultur di Malaysia. Rentetan daripada cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan daripada pengkaji-pengkaji terdahulu maka kajian ini hanya memfokus kepada sektor agrikultur agar sektor ini dapat menyumbang kepada usaha pembangunan keusahawanan seiring dengan kemajuan sektor perkhidmatan dan pembuatan dalam menyokong hala tuju pembangunan keusahawanan negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan menjelang tahun 2030. Maka kajian ini mencadangkan satu model rangka kerja konseptual bagi mengkaji faktor-faktor modal insan seperti pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan serta nilai agama dan faktor luaran iaitu sokongan kerajaan seperti mana yang dilaporkan oleh pengkaji-pengkaji lepas bahawa faktor luaran juga diperlukan untuk memastikan kejayaan keusahawanan dalam sektor agrikultur.

Metodologi


Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kajian literatur yang dilakukan bagi membina rangka kerja konseptual. Dalam kajian ini, carian artikel adalah berfokuskan kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan keusahawanan. Analisis dilakukan dengan mengkategorikan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan keusahawanan kepada faktor-faktor dalaman dan luaran. Kajian secara analisis data literatur ini membenarkan pengkaji memperbaiki dan memahami secara lebih mendalam ke atas data melalui satu proses menguji isu-isu teori. Kajian secara perpustakaan juga dibuat dengan merujuk tesis, disertasi, latihan ilmiah, manuskrip, laporan tahunan, kertas persidangan dan jurnal.

Selain itu, kajian ini juga banyak merujuk kepada Program Agropreneur Muda (PAM) di bawah Unit Agropreneur Muda, (UAM) yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) pada September 2013 bagi mendapatkan data-data berkaitan dengan agropreneur muda, kejayaan keusahawanan, pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan, sikap keusahawanan, nilai agama dan sokongan kerajaan. Hasil dapatan kajian merupakan satu rangka kerja konseptual yang boleh diguna pakai oleh pengkaji pada masa depan untuk membuat kajian empirikal menggunakan kaedah kuantitatif.

Dapatan Kajian

Hasil tinjauan literatur, satu rangka kerja konseptual tentang kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda di Malaysia dibentuk. Rajah 1 menunjukkan semua faktor yang menyumbang kepada kejayaan keusahawanan agropreneur muda. Berdasarkan kepada rangka kerja konseptual (rajah 1), pemboleh ubah tidak bersandar yang dicadangkan ialah pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan, sikap keusahawanan, nilai agama dan sokongan kerajaan. Kesemua pemboleh ubah tidak bersandar ini dijangkakan mempunyai hubungan signifikan positif kepada pemboleh ubah bersandar iaitu kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur di Malaysia. Selain itu melalui kerangka kerja konseptual ini pengkaji mencadangkan nilai agama dan sokongan kerajaan diuji sebagai faktor penyederhana yang

dijangkakan boleh menguatkan lagi hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar.



Rajah 1: Rangka Kerja Konseptual

Perbincangan

Kejayaan Keusahawanan

Kejayaan keusahawanan merupakan tunjang utama dalam memastikan bidang keusahawanan terus menjadi tulang belakang dalam memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Secara umumnya, konsep kejayaan dalam perniagaan selalunya digambarkan menerusi prestasi kewangan (Islam, Khan, Obaidullah & Alam, 2011) dan bukan kewangan (Hussain, Ismail & Shah, 2015). Selain itu, keusahawanan tidak hanya berfungsi merangsang pertumbuhan perniagaan, meningkatkan peluang pekerjaan, melonjakkan pertumbuhan ekonomi, memaksimumkan keuntungan, menjana inovasi dan meningkatkan penjana pendapatan, malah merupakan pemacu asas perkembangan sesebuah perusahaan (Ranjan, 2019). Mutakhir ini, para pengkaji dalam bidang keusahawanan lebih cenderung untuk memfokus kajian tentang kejayaan keusahawanan memandangkan terdapat pelbagai faktor yang menjadi penentu kepada kejayaan keusahawanan (Ravindra & Wajid, 2013).

Walaupun bagaimanapun, bagi konteks golongan usahawan muda, definisi bagi kejayaan adalah sukar untuk dijelaskan berbanding dengan kejayaan golongan dewasa (Schaper, Volery, Weber & Lewis, 2011). Tambahan pula, bagi usahawan muda yang berada dalam fasa permulaan perusahaan penentuan kepada kejayaan adalah sukar dilakukan dalam bentuk terma kewangan (Van Praag, 2005; Perez & Canino, 2009). Lanjutan daripada itu, Caree & Verheul (2012) mencadangkan pengukuran kejayaan adalah berdasarkan kepada kepuasan yang dirasai oleh usahawan muda.

Faktor Dalaman dan Faktor Luaran

Berdasarkan kajian literatur dapat disimpulkan secara umum bahawa terdapat dua faktor utama yang membawa kepada kejayaan keusahawanan PKS di Malaysia. Faktor-faktor tersebut adalah faktor dalaman dan faktor luaran. Kombinasi penggunaan kedua-dua faktor ini

dicadangkan oleh pengkaji kerana menjadi satu keperluan kajian dilakukan tentang faktor-faktor kejayaan keusahawanan dalam sektor agrikultur dengan mengambil kira kedua-dua faktor iaitu faktor dalaman dan juga faktor luaran bagi membolehkan satu model kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda yang komprehensif dibangunkan bagi memastikan sektor ini berjaya menarik minat usahawan muda memandangkan sektor ini amat memerlukan generasi muda yang lebih produktif bagi mengurus kesinambungan sektor agrikultur dan seterusnya mencapai keuntungan dan pulangan pelaburan yang lebih baik (Sutherland et al., 2016; Colombo & Perujo-Villanueva, 2017). Cadangan pengkaji adalah selari dengan dapatan kajian yang telah dilaporkan oleh Sefiani (2013), iaitu pembangunan sumber sama ada faktor dalaman dan luaran akan membawa kepada pertumbuhan perniagaan dan kejayaan bagi kebanyakan negara maju termasuk Malaysia. Tambahan pula, kajian berkaitan kejayaan keusahawanan dalam sektor agrikultur juga dapat membantu agropreneur muda mengetahui faktor-faktor yang dapat meningkatkan kejayaan mereka dalam bidang agrikultur dan sekaligus dapat mengurangkan kadar kegagalan perniagaan dalam sektor ini.

Walaupun terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan dalam bidang keusahawanan, faktor utama yang menentukan sama ada berjaya atau gagal nya sesebuah perusahaan adalah diri usahawan itu sendiri (Pindado & Sánchez, 2017; Matthews, 2018). Jadi, sama seperti konteks agrikultur, kejayaan keusahawanan dalam sektor agrikultur juga boleh dikaitkan dengan kebolehan, kemampuan dan keupayaan agropreneur muda itu sendiri mengurus perusahaannya. Namun begitu, disebabkan oleh sektor agrikultur merupakan sektor yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran seperti mana yang telah dibincangkan pada bahagian '*Isu dan Cabaran yang Dihadapi oleh Agropreneur Muda di Malaysia*' dalam kajian ini, maka sektor ini tidak boleh hanya bergantung kepada diri sendiri untuk mengesepi kejayaan tetapi memerlukan sokongan padu daripada persekitaran luaran.

Pemikiran Keusahawanan, Kemahiran Keusahawanan dan Sikap Keusahawanan

Fokus kajian rangka kerja konseptual kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda ini hanya akan memberi fokus terhadap faktor modal insan, iaitu pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan. Ketiga-tiga faktor ini, iaitu pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan dipilih kerana pengkaji ingin mengaitkan hasil pembelajaran daripada pendidikan keusahawanan (Armanurah, Sahadah & Norashidah, 2020) dengan kejayaan keusahawanan yang mana dapatan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan dapatan yang tidak konsisten (Solevsk, Westhead & matlay, 2014; Karlsson, 2013).

Pemikiran keusahawanan merupakan konsep yang diperlukan oleh para usahawan untuk mengenal pasti peluang-peluang yang ada dalam pasaran dan seterusnya mampu menjana idea perniagaan yang kreatif bagi membolehkan mereka mencari kelainan dalam mencipta atau mengeluarkan produk dan/ atau servis yang inovatif dan unik dalam memenuhi citarasa pelanggan semasa serta mempunyai nilai kebolehpasaran (Armanurah, 2014). Menurut Nor Aishah (2010), pemikiran keusahawanan adalah proses kognitif yang melibatkan amalan membuat pemerhatian kepada persekitaran sebagai salah satu cara untuk mengumpul maklumat, mencernakan maklumat dengan tujuan menghasilkan idea alternatif serta menilai idea tersebut dari sudut peluang dan penerimaan oleh masyarakat. Individu yang memiliki pemikiran keusahawanan dikatakan berupaya berfikir di tahap yang tinggi dan kompleks. Menurut Margolis (2014), agropreneur muda yang berkualiti merupakan agropreneur muda yang mempunyai pemikiran keusahawanan dan kemahiran keusahawanan yang mampu menjana pendapatan melebihi daripada rakan-rakan agropreneur yang lain.

Selain itu, dapatan kajian oleh Nobel (2011) juga mendapati kesan negatif terhadap kejayaan keusahawanan adalah disebabkan oleh kurangnya pemikiran strategik, kemahiran kewangan dan kemahiran mengenal pasti peluang-peluang. Begitu juga dengan hasil kajian kes dan temuduga yang telah dilakukan oleh Freiling & Laudien (2014), mereka mendapati bahawa kegagalan usahawan berpunca daripada kelemahan kemahiran pengurusan, pengetahuan tentang keadaan pasaran dan kemahiran jaringan serta kekurangan kemahiran dan kecekapan dalam kalangan pemilik perniagaan atau diri usahawan itu sendiri (Sikomwe, Kandufa, Giga & Mudzurandende, 2014; Cardon, Stevens & Potter, 2011)

Selanjutnya, Kajian yang dilakukan oleh Pindado & Sánchez (2017), Abdullah, Abu Samah & Othman (2012) mendapati penglibatan golongan muda dalam bidang agrikultur adalah sangat rendah kerana kurangnya minat dalam bidang ini. Minat yang ada pada golongan muda akan mendorong mereka untuk bersikap positif terhadap bidang agrikultur, sebaliknya jika mereka tidak berminat terhadap aktiviti agrikultur maka mereka akan bersikap negatif terhadap bidang agrikultur. Senario ini dapat digambarkan melalui dapatan kajian oleh Hock Eam, Ahmad & Soon Jan (2015), yang mendapati golongan muda lebih berminat memilih kerjaya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan berbanding sektor agrikultur. Manakala menurut Wan Salmah, Muhammad Hussin & Wei Chooi Yi (2009), minat terhadap keusahawanan boleh dipupuk dan dibentuk dalam diri seseorang untuk menjadi lebih cenderung terhadap bidang keusahawanan. Dapatan ini juga selari dengan hasil kajian oleh Mastura, Abdul Rashid & Muhammad Hijas (2009), iaitu faktor utama yang menjadi pendorong bagi seseorang individu memulakan perniagaan sendiri adalah minat dan sikap terhadap keusahawanan.

Nilai Agama

Selain itu, agama juga telah dianggap sebagai satu komponen penting dalam motif dan budaya keusahawanan. Dalam bidang keusahawanan, faktor agama didapati mempunyai hubungan dengan kecenderungan keusahawanan (Wan Syukry, 2004) dan kejayaan keusahawanan (Bellu & Fiume, 2004). Menurut Galbraith dan Galbraith (2007) agama yang dianuti oleh seseorang individu mempunyai perkaitan dengan aktiviti keusahawanan dan pertumbuhan ekonomi. Agama telah dianggap sebagai satu komponen penting dalam motif dan budaya keusahawanan. Terdapat kajian secara empirikal yang menyokong pernyataan tersebut iaitu agama dan kepercayaan boleh mempengaruhi nilai dan seterusnya dapat membentuk keusahawanan (Dana, 2010; Audretsch, Boente & Tamvada, 2013). Selain itu, agama juga didapati memainkan peranan penting dalam keusahawanan wanita (Holland, 2014).

Sokongan Kerajaan

Yang terakhir, kajian ini juga melihat peranan faktor luaran iaitu sokongan kerajaan terhadap kejayaan keusahawanan. Sokongan kerajaan sama ada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan diperlukan kerana golongan usahawan siswazah mungkin kurang atau tidak mempunyai pemahaman dan pemikiran yang baik terhadap faktor-faktor yang membolehkan mereka menjadi usahawan berjaya (Hock Eam, Siti Aznor & Soon Jan, 2015). Selain itu usahawan yang berjaya dikatakan perlu memiliki satu set kemahiran berbanding dengan hanya mahir dalam satu kemahiran yang tertentu sahaja (Bublitz & Noseleit, 2014; Stuetzer et al, 2014). Manakala sikap negatif seperti boros, membazir dan tidak pandai mengurus kewangan adalah faktor yang boleh membawa kepada kegagalan usahawan (Shuhairimi dan Ku Halim, 2010).

Tambahan pula dapatan kajian-kajian terdahulu telah menemui hubungan yang tidak konsisten di antara sokongan kerajaan dengan kejayaan keusahawanan (Mohd Nor Hidayat Hambali, 2011; Syarifah Rohaya Wan Idris, 2013; Fatoki, 2012; Bangudu, 2013). Maka kajian ini mengkaji peranan sokongan kerajaan terhadap kejayaan keusahawanan dalam bidang agrikultur di Malaysia khususnya dalam kalangan agropreneur muda.

Faktor Penyederhana Nilai Agama dan Sokongan Kerajaan

Selain daripada hubungan langsung antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar, kajian ini juga mengetengahkan hubungan tidak langsung iaitu peranan pembolehubah penyederhana dalam rangka kerja konseptual bagi melihat kesan interaksi antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Ini adalah kerana menurut Baron & Kenny (1986) dan Frazier, Barron & Tix (2004), faktor penyederhana adalah pembolehubah yang memberi kesan terhadap arah atau/dan kekuatan hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar.

Justeru itu, nilai agama dan sokongan kerajaan diuji sebagai faktor penyederhana untuk menjelaskan arah/bentuk atau kekuatan hubungan antara pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan ke atas kejayaan keusahawanan agropreneur muda.

Cadangan Kajian Lanjutan

Pengkaji mencadangkan agar rangka kerja konseptual ini dapat dikembangkan oleh pengkaji-pengkaji yang ingin membuat kajian dalam bidang yang sama pada masa depan dengan meneruskan kajian secara empirikal. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan agar kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik dilakukan bagi menguji kesemua faktor-faktor kejayaan keusahawanan agropreneur muda di Malaysia seperti mana yang telah dicadangkan. Hasil dapatan kajian empirikal tersebut diharapkan dapat mengkayakan lagi kefahaman ilmu tentang sektor agrikultur, memberi sumbangan dalam bentuk penemuan pengetahuan baru, pengukuhan hasil kajian lalu dan juga sebagai panduan untuk kajian pada masa akan datang dalam sektor agrikultur khususnya agropreneur muda yang boleh dilihat dari sudut teoritikal, praktikal dan metodologikal. Selain itu, hasil kajian secara empirikal juga dapat membantu kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), agensi-agensi MOA yang berkaitan dan agensi-agensi keusahawanan dalam merangka rancangan dan strategi bagi meningkatkan kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda. Seterusnya, hasil dapatan kajian juga boleh dijadikan garis panduan dan amalan kepada diri agropreneur sendiri dalam mengusaha dan menjayakan perusahaan agrikultur.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, satu rangka kerja konseptual dibangunkan hasil daripada tinjauan sorotan literatur. Rangka kerja konseptual ini merangkumi kedua-dua faktor dalaman dan luaran organisasi perniagaan yang menyumbang kepada kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda di Malaysia. Dapatan kajian ini mendapati terdapat empat faktor dalaman iaitu pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan, sikap keusahawanan dan nilai agama manakala satu faktor luaran iaitu sokongan kerajaan yang menyumbang kepada kejayaan keusahawanan dalam kalangan agropreneur muda di Malaysia. Selain itu, satu rangka kerja konseptual ini juga telah mengenal pasti dua faktor penyederhana iaitu nilai agama dan sokongan kerajaan yang boleh menjelaskan arah/bentuk atau kekuatan hubungan antara pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan ke atas kejayaan keusahawanan agropreneur muda. Justeru itu, diharapkan rangka kerja konseptual ini dapat

memenuhi keperluan dalam sektor agrikultur dan memberi manfaat khususnya kepada agropreneur muda dalam mengusaha dan meraih kejayaan dalam perusahaan agrikultur serta memastikan sektor ini terus menjadi pemangkin kepada inovasi dan tunjang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara seiring dengan perkembangan sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Rujukan

- Abdullah, F. A., Abu Samah, B., & Othman, J. (2012). Inclination towards agriculture among rural youth in Malaysia. *Journal of Basic and Applied Scientific Research*, 2(11), 10892-10894. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, A.A., & Sulaiman, N.N. (2013). Factors that influence the interest of youths in agricultural entrepreneurship. *International Journal of Business and Social Science*, 4(4):288.
- Abu Dardak, R. (2015). *Transformation of agricultural sector in Malaysia through agricultural policy*. Malaysia: MARDI.
- Alsos, G. A., Carter, S., & Ljunggren, E. (2011). *The handbook of research on entrepreneurship in agriculture and rural development*. Edward Elgar Publishing.
- Anosike F. U., Rekwot. G. Z., & Ereke S. O. (2015). Youth in livestock production: Key to the actualization of the agricultural transformation agenda (ATA), A Review. *Journal of Animal Production research*, 7, 213-218.
- Audretsch, D. B., Bönte, W., & Tamvada, J. P. (2014). Religion, social class, and entrepreneurial choice. *Journal of Business Venturing*, 28(6), 774-789.
- Armanurah, Mohamad (2014). *Penilaian Pelaksanaan Program Siswaniaga Universiti Utara Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Armanurah, Mohamad, Sahadah Hj Abdullah & Norashidah Hashim (2020). Dimensi dalam Pemikiran Keusahawanan dan Kaitannya dengan Pendidikan Keusahawanan, dalam *Dinamika Minda Baharu: Keusahawanan dan Kemanusiaan*, Penerbit UniMAP, pp 67-78.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Lee Kuan Yee. (2012). Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(1): 44-45.
- Bangudu. O. (2015, November 20). Nigeria's operating environment for businesses has been difficult, 2014. Retrieved from <http://www.premiumtimesng.com/business/145725-nigerias-operating-environment-businesses-difficult-lcci.html>.
- Bellu, R., & Fiume, P. (2004), "Religiosity and entrepreneurial behaviour", *International Journal of Entrepreneurship and Innovation*, 5(4), 191-201.
- Brunjes, J., & Revilla, J. (2013). 'Recession push' and 'prosperity pull' entrepreneurship in a rural developing context. *Entrepreneurship and Regional Development*, 25, 251-271.
- Buerah Tunggak, Hussin Salomon & Baharin Abu. (2011). Keperluan latihan dan pendidikan berterusan ke arah pembangunan usahawan muslim berteraskan nilai islam di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 55(Sains Sosial), 121-144.
- Burgstaller, J. & Wagner, E. (2015). "How do family ownership and founder management affect capital structure decisions and adjustment of SMEs? Evidence from a bank-based economy", *The Journal of Risk Finance*, 16(1), doi: 10.1108/JRF-06-2014-0091.
- Buttar, H.M. (2015), "Formation of entrepreneurial career intentions: the role of sociocognitive factors", *Journal of Employment Counseling*, Vol. 52 No. 1, pp. 2-17.
- Cardon, M.S., Stevens, C., E. & Potter, D., R. (2011). Misfortunes or mistakes? Cultural sensemaking of entrepreneurial failure. *Journal of Business Venturing*, 26, 79-92. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jbusvent.2009.06.004>

- Caree, M. A., & Verheul, I. (2012). What makes entrepreneurs happy? Determinants of Satisfaction among Founders. *Journal of Happiness Studies*, 371-378.
- Che Abdullah, N. & Mustapha, R. (2009) Kajian kes usahawan tani industri kecil sederhana (IKS) bumiputera di Negeri Terengganu, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 144 – 165.
- Chan, K. L., Selvadurai, S., & Hamid, B. A. (2009). Malay youth entrepreneurship in Malaysia: An empirical update. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 5(2), 61–68.
- Che Ani Mad & Mohamad Amin Mad Idris. (2002). Impak liberalisasi dan globalisasi kepada usahawan Malaysia. Kertas kerja Seminar Globalisasi dan Usahawan Wanita: Kepintaran, Emosi dan Integriti. Anjuran Institut Pembangunan Keusahawanan, Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Covin, J. G., & Slevin, D. P. (1986). The development and testing of an organizational-level entrepreneurship scale. In R. Ronstadt, J. A. Hornaday, R. Peterson & K. H. Vesper (Eds. *Frontiers of Entrepreneurship Research*, 628-649. Wellesley, MA: Babson College.
- Dana, L., P. (2010). *Entrepreneurship and Religion*. Edward Elgar Publishing
- De Regt, S. (2012). Religiosity as a Moderator of the Relationship between Authoritarianism and Social Dominance Orientation: A Cross-Cultural Comparison d SDO was not influenced by religiosity. *International Journal for the Psychology of Religion*, 22(1), 31-41.
- Fatoki, O. (2012). The impact of networking on access to debt finance and performance of small and medium enterprises in South Africa. *Journal of Social Sciences 2012*, 42(2), 121–141.
- Frazier, P.A., Barron, K.E., & Tix, A.P. (2004). Testing moderator and mediator effects in counseling psychology research. *Journal of Counseling Psychology*, 51(1), 115-144.
- Freiling, J. & Laudien, S.M. (2014). Explaining new venture failure: A competence-based approach. Conference Paper AIMS 2014, 1-7. Retrieved from http://cdiaims2014.sciencesconf.org/conference/cdiaims2014/pages/cdiaims2014_Freiling_Laudien.pdf, [2014.05.04].
- Galbraith, C. S. & Galbraith, D. M. (2007). An empirical note on entrepreneurial activity, intrinsic religiosity and economic growth. *Journal of Enterprising Communities*, 1(2), 188-201
- Grande, J. (2011). New venture creation in the farm sector-critical resources and capabilities. *Journal of Rural Studies*, 27(2), 220-233.
- Habshah Bakar, Armanurah Mohamad, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat & Syahrina Abdullah. (2012). Kajian Pengesanan Graduan Sarjana Muda Keusahawanan (SMK) 2010. Laporan Penyelidikan Geran LEADS. Kolej Perniagaan. Universiti Utara Malaysia
- Hock-Eam, L., Ahmad, S. A., & Jan, S. J. (2015). *The inferring predisposed factors for graduate agropreneur in Malaysia: Mismatch?* Paper presented at the 9th Asia Pacific Business Research Conference, Singapore.
- Holland, N. (2014). “Cultural and socio-economic experiences of female entrepreneurs in Brazil and the US: An exploratorial and empirical analysis”. *Journal of Women’s Entrepreneurship and Education*. 1-2/2014.
- Hussain, J., Ismail, K., & Shah, F. A. (2005). The effect of market and entrepreneurial orientation on organizational performance: Study of Malaysian SMEs. *City University Research Journal 2015*, 5(2), 204–218.

- Krueger, N. & Brazeal, D. (1994). Entrepreneurial potential and potential entrepreneurs. *Entrepreneurship: Theory & Practice*, 18(4), 91–104.
- Lans, T., Van Galen, M. A., Verstegen, J. A. A. M., Biemans, H. J. A., & Mulder, M. (2014). Searching for entrepreneurs among small business ownermanagers in agriculture. *NJAS-Wageningen Journal of Life Sciences*, 68, 41-51.
- Lumpkin, G. T., & Dess, G. D. (1996). Clarifying the entrepreneurial orientation construct and linking it to performance. *Academy of Management Review*, 21(1), 145-172.
- Maharati, Y., & Nazemi, S. (2012). Entrepreneurial drives, organizational function, and success of Iranian entrepreneurs. *Advances in Management & Applied Economics*, 2(2), 147–177.
- Mambula, C. J., & Sawyer, F. E. (2004). *Act of entrepreneurial creativity for business growth and survival in a constrained economy: Case study of small manufacturing firm (SMF)*, School of Management, Suffolk University, Boston, Massachusetts, USA.
- Margolis, D. N. (2014). By choice and by necessity: Entrepreneurship and self-employment in developing world: *Discussion Paper No 8273*. Paris School of Economics.
- Mastura Jaafar, Abdul Rashid Abdul Aziz dan Muhammad Hijas Sahari. (2009). The use of social network theory on entrepreneurs' linkages development. *Theoretical and Empirical Research in Urban Management* 15(4), 101-119
- McElwee, G. (2006). Farmers as entrepreneurs: Developing competitive skills. *Journal of Developmental Entrepreneurship*, 11(03), 187–206.
- Mohammad Nor, N. A. A., Nik Mohd Masdek, N. R., & Maidin, M. K. H. (2015). Youth inclination towards agricultural entrepreneurship. *Economic and Technology Management Review*, 10a, 47–55.
- Mohd Nor Hidayat Hambali. (2011). Faktor Bantuan Kerajaan yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam, Selangor (Tesis Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia
- Nobel, C. (2011). Why companies fail and how their founders can bounce back. *Harvard Business School*, 1-2.
- Norashidah Hashim. (2009). Kesiediaan keusahawanan pelajar dan persekitaran dalaman institusi pengajian tinggi awam Malaysia dalam melaksanakan pendidikan keusahawanan. Tesis Dr. Fal, UNiversiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aishah Buang. (2002). Asas Keusahawanan. Fajar Bakti. Polygraphic (M) Sdn. Bhd.
- Okezie, C.A., & Baharuddin, A.H. (2012). Risk and poverty in agriculture: Expanding roles for agricultural cooperatives in Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(4): 1-11.
- Olawale, F., & Garwe, D. (2010). Obstacles to the growth of new SMEs in South Africa: A principal component analysis approach. *Journal of Business Management*, 4(5), 729–748.
- Oni, E.O., & Daniya, A.A. (2012). Development of Small and Medium Scale Enterprises: The role of Government and other Financial Institutions. *Arabian Journal of Business and Management Review (OMAN Chapter)*, 1(7), 16–29
- Owoseni, O.O., & Akanbi, P.A. (2010). Entrepreneurial Intentions: A Theoretical Framework. *Journal of Management and Corporate Governance*, (1), 1-15.
- Perez, E. H., & Cainon, R. M. (2009). The importance of the entrepreneur's perception of "success". *Review of International Comparative Management*. 990-1010.
- Phan, P. M. (2004). Entrepreneurship theory: Possibilities and future directions. *Journal of Business Venturing*, 19(5), 617-620.

- Pindado, E., Sánchez, M., 2017. Researching the entrepreneurial behaviour of new and existing ventures in European agriculture. *Small Bus. Econ.* 49 (2), 421–444. <https://doi.org/10.1007/s11187-017-9837-y>.
- Quy, N. H. (2016). Legislative policy in support of Vietnam SMEs : Analysis and propositions. *International Journal of Economics and Finance* 2016,8(2), 226–244. <http://doi.org/10.5549/ijef.v8n2p226>
- Razak, M. I. M., Abas, N. M., Yaacob, N. J. A., Rodzi, S. N. A. M., Yusof, N. M., & Azidin, R. A.(2015). An overview of primary sector in Malaysia. *International Journal of Economics. Commerce and Management*, 4(2), 1–14.
- Sadri, G., & Robertson, I. T. (1994). Self-efficacy and work-related behavior: A review and meta-analysis. *Applied psychology: An International Review*, 42, 149-152.
- Saputra, C., Anwarudin, O. & Sulistyowati, D. (2018). “Persepsi dan adopsi pengendalian hama terpadu lalat buah pada tanaman manga di Kecamatan Greded Kabupaten Cirebon Privinsi Jawa Barat”, *J. Penyul. Pertan.*, vol 13(2), 49-60.
- Schaper, M., Volery, T., Weber, P., & Lewis, K. (20001). *Entrepreneurship and small business*. Milton Qld: John Wiley and Sons Australia, Ltd.
- Schlaegel, C., & Koenig. M. (2014). Determinants of entrepreneurial intent: A meta-analytic test and integration of competing models. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 48(2), 291-442.
- Shariff, M.N.M., Peou, C., Ali, J. (2010). Moderating Effect of Government Policy on Entrepreneurship and Growth Performance of Small-Medium Enterprises in Cambodia. *International Journal of Business and Management Science*, 4(1), 57–72.
- Sikomwe, S., Kandufa, P., Giga, D., & Mudzurandende, F. (2014). Analyzing business failure in relation to the life cycle of the business and the economic cycle: A study of entrepreneurial ventures in Hwange (Zimbabwe). *European Journal of Business and Management*, 6 (7), 80-91.
- Siwar, C., Yasar, M., Ghazali, Z., & Mohd Idris, N. D. (2014). Vulnerability and sustainable livelihood of paddy farmers in the North Terengganu Integrated Agriculture Development Area (IADA KETARA), Malaysia. *Prosiding Perkem*, 8(2), 778–789.
- SME Corporation Berhad (SME Corp). (2017). *SME Annual Report 2016/17*.
- Solesvik, M. Z., Westhead, P., & Matlay, H. (2014). Cultural factors and entrepreneurial intention: The role of entrepreneurship education. *Education+ Training*, 56(8/9), 680-696.
- Sox, C.B., Kline, S.F., & Crews, T.B. (2014). Identifying best practices, opportunities and barriers in meeting planning for Generation Y. *International Journal of Hospitality Management*, 46, 244-254.
- Syarifah Rohaya Bt Wan Idris. (2014). Faktor-faktor kritikal kejayaan perniagaan kedai runcit koperasi di negeri Sarawak. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 9, 94-114.
- Van der Sluis, J., Van Praag, C.M., Vijverberg, W., 2005. Entrepreneurship, selection and performance: a meta-analysis of the role of education. *World Bank Economic Review* 19 (2), 225–261.
- Wan Salmah Wan Hassan, Muhammad Hussin & Wei Chooi Yi. (2009). Masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan wanita bumiputera di daerah Seremban. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pembangunan Keusahawanan*
- Wan Syukry, W.D. (2004). *Pengaruh personaliti terhadap kecenderungan keusahawanan* (Masters Thesis), Universiti Utara Malaysia

Yusoff, A., Ahmad, N. H., & Abdul Halim, H. (2016). Entrepreneurial orientation and entrepreneurial intention among Malaysian agricultural students: The impact of entrepreneurship education. *Advances in Business-Related Scientific Research Journal*, 7(1), 77–92.